

Rebut peluang disediakan kerajaan

PENIAGA mikro disaran untuk mengambil peluang yang disediakan kerajaan menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (Prihatin) Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Tambahan, kata Pensyarah Ekonomi dari Sekolah Perniagaan dan Pengurusan Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Dr Azmawani Abd Rahman.

Menerusi pakej itu, beliau berkata, peniaga mikro perlu meneliti setiap perkara yang diumumkan untuk mengetahui peluang mereka.

“Oleh itu, golongan ini perlu faham dan segera



AZMAWANI

mengambil peluang yang disediakan. Kita tidak mahu mereka tercicir pelbagai inisiatif kerajaan membantu perniagaan mikro.

“Pandemik ini bukan sahaja memberi kesan kepada perniagaan besar, bah-

kan perniagaan kecil turut menerima kesannya,” katanya kepada *Bisnes Sinar*.

Kata Azmawani, peniaga mikro juga perlu lebih proaktif mempromosikan perniagaan mereka menerusi alternatif dalam talian.

“Dalam keadaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini, peniaga masih lagi boleh menjana pendapatan dengan

menukar model perniagaan mereka agar kekal produktif.

“Manfaatkan laman sosial seperti Facebook dan Instagram dengan kerap untuk pastikan lebih ramai orang melihatnya,” katanya.

Katanya, peniaga mikro juga perlu mempunyai pelan kesinambungan perniagaan dalam memastikan perniagaan mampu bertahan sekiranya berdepan dengan pelbagai cabaran dan risiko.

“Dalam perniagaan, perancangan itu penting. Mereka perlu lihat risiko bukan sahaja sekarang, malahan akan datang dengan mengeluarkan idea.

“Pelan ini bukan sahaja penting untuk perniagaan besar tetapi peniaga mikro juga memerlukannya,” katanya.